

26/07/1999

Globalisasi perlukan peraturan: PM

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, globalisasi perlu ditadbir oleh peraturan dan amalan kemanusiaan bagi memastikan negara miskin tidak menghadapi kegawatan ekonomi yang berulang-ulang.

Berucap kepada 18 ketua kerajaan dan ketua negara yang menghadiri majlis makan malam dan pelancaran Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) ke-4 malam ini, Perdana Menteri berkata:

"Globalisasi hanya boleh membawa manfaat jika diberi `wajah kemanusiaan'. Ini boleh dilakukan jika masyarakat antarabangsa memberi peluang kepada negara miskin mengemukakan pendapat mereka dalam mentafsirkan globalisasi.

"Pada masa ini, yang miskin hampir tidak mempunyai suara. Banyak yang terhutang budi kerana negara kaya bagi bantuan dan pinjaman sehingga mereka tidak boleh mengemukakan pendapat."

Dr Mahathir berkata, menurut pemikir besar dan pembawa ideologi Barat, globalisasi bermakna meruntuhkan sempadan nasional yang menjadi penghalang kepada aliran modal dan barang-barang ke tempat di mana mereka boleh membuat keuntungan banyak.

Oleh kerana modal dan sebahagian besar barangan dimiliki negara maju dan kaya, membuka sempadan bermakna negara miskin menjadi penerima kedatangan mereka.

Sambil mengingatkan bahawa globalisasi tidak boleh diterima bulat-bulat tanpa mempersoalkan motif Barat, Dr Mahathir berkata, enam peraturan dan amalan antarabangsa mesti diperkenalkan bagi memastikan globalisasi `berwajah kemanusiaan'.

Perdana Menteri berkata, perdagangan bebas mesti mempunyai peraturan yang dikawal masyarakat antarabangsa dan dikuatkuasakan agensi antarabangsa yang benar-benar bebas, bukannya organisasi yang dikawal negara yang berkuasa dan kaya.

Perdagangan antara negara mesti dilakukan secara telus, termasuk kegiatan pedagang mata wang dan pemutar belit pasaran.

"Mesti ada peruntukan had dagangan tertinggi dan had dagangan terendah untuk mengelakkan keterlaluan," katanya.

Dr Mahathir berkata, bank mesti memberi pinjaman secara berhemat dan seimbang. Jika negara tertakluk kepada penarafan, begitu juga dana lindung nilai.

Katanya, pesaing dana lindung nilai dan kerajaan juga harus dibenarkan meminjam mengikut gandaan yang setara.

Kegiatan penarafan pula sepatutnya dilakukan organisasi antarabangsa bukan berasaskan keuntungan, dibiayai masyarakat antarabangsa dan tidak dikuasai mana-mana negara yang memberi sumbangan besar.

"Spekulator antarabangsa mesti dikenakan cukai. Mereka tidak boleh beroperasi di pusat kewangan luar pesisir. Cukai ini mesti dikongsi bersama untuk membantu negara yang menjadi mangsa serangan mereka pulih semula," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau memberikan penjelasan panjang lebar mengenai globalisasi dan bahaya menerimanya secara bulat-bulat bukan kerana sukakan retorik atau cuba menakut-nakutkan sesiapa.

"Saya bukan mahu berhujah panjang lebar, bukan memberi reaksi keterlaluan, bukan orang yang cepat melatah. Kami di Malaysia sudah melalui dua tahun yang dahsyat kerana memerangi pemangsa yang tidak kelihatan.

"Getir bagi kami untuk menyelamatkan diri. Kami tidak mahu melihat rakan-rakan mengalami apa yang kami rasai," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun bidang teknologi maklumat dan perdagangan elektronik (e-dagang) sudah menjadi dunia tanpa sempadan, ini tidak bermakna semua negara harus berdiam diri dan menerima saja pemangsa yang menjadikan globalisasi sebagai alat untuk kepentingan diri.

Katanya, mereka yang percaya kepada perkongsian dan konsep memakmurkan jiran tetangga pastinya tidak berdiam diri.

"Ramai antara kita yang masih ingat zaman penaklukan penjajah, kesakitan dan penghinaan. Masih ada yang mempunyai parut akibat perjuangan kemerdekaan. Kita baru saja menang dan merasai hasil pengorbanan.

"Kita tidak boleh dipaksa tunduk kepada penguasaan asing sekali lagi. Walaupun bukan penaklukan secara langsung tetapi kita tahu tidak jauh bezanya," katanya.

(END)